



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 28 Februari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

RON95: Kerajaan masih cari mekanisme terbaik

Oleh ASLINDA NASIR
dan AIMAN ALI
utusannews@mediamulia.com.my


KUALA LUMPUR: Penyasaran subsidi petrol RON95 tidak akan dilaksanakan dalam masa terdekat kerana kerajaan masih mencari mekanisme terbaik supaya benar-benar mencapai objektif.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, ini termasuk kerajaan perlu memastikan tidak berlaku kenakan kepada harga barang dan perkhidmatan secara tidak munasabah dan tidak terkawal akibat daripada penyasaran subsidi tersebut.

“Mengambil kira mekanisme yang digunakan semasa kerajaan melaksanakan penyasaran diesel pada 2024 yang lalu, pihak kementerian sedang menambahbaik sistem sedia ada untuk memberikan kuota petrol bersubsidi kepada kenderaan komersial yang layak.

“Pada ketika ini, kumpulan sasar yang akan menggunakan kad fleet bersubsidi ini sedang dikenalpasti.

“Satu perbincangan di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan terutamanya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan



ARMIZAN MOHD. ALI

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

“Ia akan dilaksanakan bagi memuktamadkan senarai akhir kumpulan yang layak untuk menggunakan fleet card petrol bersubsidi ini,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) sama ada penyasaran subsidi bersasar bahan api itu dilancarkan pada pertengahan

tahun ini atau sebaliknya dan persiapan kementerian untuk menangani isu kenaikan harga barang.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, pemberian petrol bersubsidi kepada kumpulan sasar secara tidak langsung dapat mengekalkan kos perkhidmatan dan penghantaran barang keperluan kepada rakyat, sekerusnya tidak membebankan rakyat dengan tambahan kos sara hidup.

Mekanisme terbaik dikenal pasti, pastikan manfaat sampai kepada kumpulan sasar

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN
SHAH ALAM

Kerajaan dijangka melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun ini dengan satu mekanisme terbaik bakal dikenal pasti bagi memastikan manfaatnya sampai kepada kumpulan sasar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kerajaan kini berada dalam fasa akhir merangka sistem penyasaran yang adil dan berkesan bagi memastikan pelaksanaannya mencapai objektif ditetapkan.

Menurutnya, kerajaan juga memberi jaminan bahawa penyasaran subsidi ini tidak akan menyebabkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara tidak terkawal.

"Mekanisme yang digunakan ketika kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel sebelum ini sedang ditambah baik. KPDN kini dalam usaha memperkemaskin sistem bagi memastikan kenderaan komersial yang layak menerima



ARMIZAN

kuota petrol bersubsidi. "Pada masa ini kumpulan sasar yang akan menggunakan kad fleet bersubsidi sedang dikenal pasti menerusi perbincangan antara KPDN, Kementerian Kewangan serta Kementerian Pengangkutan, khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen pada Kamis.

Beliau menjawab pertanyaan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) yang meminta KPDN menjelaskan sama ada pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun ini akan menyebabkan peningkatan harga barang dan kos sara hidup rakyat.

Mengulas lanjut, Armizan menegaskan petrol RON97 tidak termasuk dalam penyasaran subsidi kerana bahan api tersebut telah diapungkan sejak Jun 2018.

Beliau turut menjelaskan bahawa pem-



Kerajaan dijangka melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pertengahan tahun ini.

berian petrol bersubsidi kepada kumpulan sasar yang tepat mampu mengelakkan kos perkhidmatan serta penghantaran barang keperluan rakyat, sekali gus mengelakkan peningkatan kos sara hidup.

Dalam usaha membendung manipulasi harga barang, KPDN akan mempertingkatkan penguatkuasaan menerusi Akta

Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2018.

"Melalui peraturan ini, kerajaan akan melaksanakan Ops Kesan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah akibat penyasaran subsidi," katanya.

Subsidi RON95 bersasar dijangka pertengahan tahun

HARI: JUMAAT

TARIKH: 28/2/2025

M/SURAT: 1

72,039 KIR di Sabah mula terima bantuan Syukur 2025: Armizan

PAPAR: Seramai 72,039 ketua isi rumah (KIR) di Sabah yang berdaftar eKasih mula menerima bantuan Sen-tuhan Kasih Rakyat (Syukur) 2025 sebanyak RM300 untuk fasa pertama bagi Januari hingga Mac ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata bantuan itu akan dimasukkan ke akaun bank

penerima bagaimanapun lebih 19,000 KIR masih belum menerima bantuan berkenaan kerana belum ada data dalam sistem Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ). Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebagai Sekretariat Majlis Tin-dakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengadakan program *out-reach* sebagai inisiatif bagi memastikan

penerima dapat menerima bantuan berkenaan, terutamanya menjelang Ramadan.

"Saya minta semua jentera yang ada agar membantu Sekretariat SMJ, kerajaan negeri, wakil-wakil rakyat kawasan di Sabah ini membuat inisiatif untuk membolehkan rakyat tidak ketinggalan daripada menerima bantuan ini.

"Dengan adanya inisiatif ini, ia akan

dapat membantu meringankan beban sara hidup rakyat, khususnya golongan yang memerlukan dan peringkat awal ini, bantuan dibuat secara bersasar yang memberi keutamaan kepada senarai eKasih," katanya kepada pemberita selepas program Advokasi Sara Hidup dan Pembukaan Akaun Bank penerima sumbangan Syukur di sini, Khamis. - Bernama

HARI: **JUMAAT**

TARIKH: **29/2/2025**

M/SURAT: **3**

RM13 bln to ease cost of living of 5.4 mln recipients

KOTA KINABALU: The Madani Government remains committed to implementing various strategies and approaches in addressing the rakyat's cost of living issues, including through the provision of cash assistance.

Among them is through the Sumbang Tunai Rahmah (STR) and Sumbang Asas Rahmah (SARA) initiatives, where RM13 billion has been allocated for the STR and SARA programmes this year, an increase of RM3 billion compared to 2024.

Of this amount, RM8 billion has been allocated for the STR while RM5 billion is for the implementation of SARA.

Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the provision of assistance through the STR and SARA will benefit 5.4 million low-income recipients - especially in the e-Kasih list from the categories of households, senior citizens without a partner and single people - including more than 120,000 recipients in Sabah and no.000 recipients in Sarawak.

"At the same time, in addition to efforts at the Federal Government level, I would also like to express my appreciation to the State Governments that have implemented specific programmes to help the



Armizan (seated centre) with the recipients of Sentuhan Kasih Rakyat at Dewan Datuk Salleh Sulong Papar on Thursday. — Bernama photo

people address the cost of living.

"Cash assistance by the State Government will certainly provide added value to the people in an effort to help overcome the cost of living issue."

"For example, the implementation of the Sentuhan Kasih Rakyat

Sabah (Syukur) programme, a cash assistance initiative introduced by the Sabah state government to help the needy, especially those who fall into the poor and hardcore poor categories."

Through this programme, eligible recipients will be given

cash assistance amounting to RM300 per month which will be given periodically either credited to a bank account, YONO e-Wallet application account or in cash through designated counters.

"For the year 2025, it is targeted that 100,000 recipients among the

heads of poor and hardcore poor households will benefit from the implementation of the Syukur programme.

"For the first phase (January to March 2025), a total of 72,030 heads of households have been listed to receive the Syukur cash assistance throughout Sabah, including 1,544 heads of households in the Papar parliamentary constituency," he said in a statement after an event to advocate for the cost of living and open bank accounts for Syukur recipients in Papar on Thursday.

Armizan, who is also Papar Member of Parliament, said cash assistance is a form of targeted social protection ecosystem that has a direct impact on recipients, as it gives recipients the flexibility to organise or determine their own spending, whether for the purchase of essential goods such as food, education and services, according to the current needs of the household.

He said this is also supported by the "Ranjau Sepanjang Jalan" report released by the United Nations Children's Fund (UNICEF) in May 2024 on a survey on the impact of post-pandemic living costs of low-income households in Kuala Lumpur.

The minister pointed that

among the main findings of the report related to cash assistance is that cash assistance and price control of food items are considered the most beneficial available policies for household.

He said the report also mentioned how cash assistance and price control initiative for basic food items was identified as an effective support mechanism and highly welcomed by households as a major step to alleviate the financial burden, adding that the direct cash assistance provides immediate relief for the recipients, which offers flexibility for them to provide allocations according to their most urgent needs.

In addressing the issue of the people's cost of living, the government through the National Cost of Living Action Council (NACCOL) has implemented a two-pronged strategy to not only control the increase in the price of goods, but also increase efforts to increase the people's income.

"In addition to the provision of cash assistance, the implementation of programmes such as the Madani Community Welfare Programme (SejaTi Madani) and the People's Income Initiative (PIR) are efforts under the Madani Government to help the people generate income," he said.

Lebih 72,000 KIR terima bantuan SYUKUR

PAPAR: Seramai 72,039 ketua isi rumah (KIR) di Sabah yang berdaftar eKasih mula menerima bantuan Sentuhan Kasih Rakyat (SYUKUR) 2025 sebanyak RM300 untuk fasa pertama bagi Januari hingga Mac ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata bantuan itu akan dimasukkan ke akaun bank penerima bagaimanapun lebih 19,000 KIR masih belum menerima bantuan berkenaan kerana belum ada data dalam sistem Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ).

Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebagai Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengadakan program outreach sebagai inisiatif bagi memastikan penerima dapat menerima bantuan berkenaan, terutamanya menjelang Ramadhan.

“Saya minta semua jentera yang ada agar membantu Sekretariat SMJ, kerajaan negeri, wakil-wakil rakyat kawasan di Sabah ini membuat inisiatif untuk membolehkan rakyat tidak ketinggalan daripada menerima bantuan ini.

“Dengan adanya inisiatif ini, ia akan dapat membantu meringankan beban sara hidup rakyat, khususnya golongan yang memerlukan dan peringkat awal ini, bantuan dibuat secara bersasar yang memberi keutamaan kepada senarai eKasih,” katanya kepada pemberita selepas program Advokasi Sara Hidup dan Pembukaan Akaun Bank penerima sumbangan SYUKUR di sini semalam.

Pada 19 Feb lepas, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor melancarkan SYUKUR 2025 di Pusat Kebudayaan Rumpun Bajausama yang bakal memberi manfaat kepada 100,000 penerima di Sabah.

Untuk fasa satu pada Januari-Mac agihan bermula Februari, fasa kedua (April-Jun), fasa ketiga (Julai-September) dan fasa keempat (Oktober-Disember).

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata KIR dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi negeri Sabah iaitu sebanyak RM2,742 dan miskin tegar RM1,218 layak untuk memohon bantuan itu secara dalam talian di portal Sekretariat SMJ.

Beliau berkata ia melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM358.5 juta yang menunjukkan komitmen kepimpinan kerajaan di bawah Gabungan Rakyat Sabah (GRS) PH plus yang mahukan rakyat merasai manfaat daripada peningkatan hasil kerajaan negeri.

“Ini bukan bantuan gula-gula pilihan raya ... kita bagi secara terus (bantuan). Mungkin peringkat awal ini perlidaftar butiran tetapi mereka akan terima (duit) dalam akaun masing-masing,” katanya sambil menambah pembukaan akaun bank tidak dikenakan sebarang bayaran.
— Bernama

Kumpulan sasar subsidi RON95 dikenal pasti – KPDN

DEWAN RAKYAT


- Bakal guna 'fleet card' bersubsidi
- Pastikan harga barang terkawal selepas penyasaran

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengenal pasti kumpulan sasar yang akan menggunakan 'fleet card' bagi menentukan mekanisme terbaik pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, kerajaan mahu memastikan penyasaran itu benar-benar mencapai objektif sebelum ia dijangka dilaksanakan pertengahan tahun ini.

Kata beliau, kerajaan juga mahu memastikan tidak berlaku kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara tidak munasabah dan tidak terkawal akibat penyasaran subsidi RON95.



KERAJAAN sedang mengenal pasti kumpulan sasar bagi menentukan mekanisme terbaik pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95. —GAMBAR HIASAN

bat penyasaran subsidi RON95.

"Kumpulan sasar yang akan menggunakan 'fleet card' bersubsidi ini sedang dikenal pasti. Satu perbincangan akan dilaksanakan bagi memuktamadkan senarai akhir kumpulan yang layak," katanya dalam jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat semalam.

Armizan berkata, KPDN akan turut mempertingkat penguasaan bagi mengawal dan mengekang peniaga daripada mengambil kesempatan mem-

nipulasi harga barang.

Katanya, penguasaan itu melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018.

"Kerajaan akan turut melaksanakan tindakan di bawah Ops Kesan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan ke-san penyasaran subsidi RON95.

"Pada masa sama, KPDN meningkatkan Program Pengedaran Barang Perlu dan diperluaskan di kawasan baru terutama di kawasan pedalaman serta memperkenalkan inisiatif Kita Gem-pur," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif meringankan kos sara hidup rakyat seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dan Program Jualan Rahmah Madani di seluruh negara.

Peniaga Bazar Ramadan Rahmah nikmati subsidi sewa tapak

KUANTAN – Peniaga makanan di Bazar Ramadan Rahmah bakal menikmati subsidi sewa tapak bagi mengurangkan kos perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dr Fuziah Salleh berkata, pendekatan tersebut merupakan inisiatif kerajaan yang dilaksanakan di 95 lokasi di seluruh negara.

Menurutnya, usaha itu menggalakkan lebih ramai peniaga menawarkan Menu Rahmah kepada pelanggan mereka.

“Kalau dulu kita tetapkan 30 peratus gerai jual Menu Rahmah, mungkin kali ini peniaga boleh jual pelbagai jenis Menu Rahmah di gerai mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas merasmikan pembukaan rasmi sebuah pasar raya di Indera Mahkota di sini pada Khamis.

Fuziah berkata, tahun ini kerajaan memperkenalkan gerai khas Menu Rahmah bagi menawarkan pelbagai juadah pada harga mampu milik.

Tambahnya, inisiatif tersebut bukan sahaja membantu meringankan beban keluarga, malah



Fuziah memantau harga bawang merah selepas merasmikan pembukaan pasar raya di Indera Mahkota, Kuantan pada Khamis.

turut menggembirakan anak-anak kecil yang belajar berpuasa.

“Kita faham bulan Ramadan, ramai ibu bapa membawa anak-anak ke bazar. Kadang-kadang, anak-anak ingin mencuba pelbagai jenis makanan dan ini boleh memberi tekanan kepada ibu bapa dari segi perbelanjaan.

“Dengan adanya gerai khas Menu Rahmah, mereka tidak perlu cari makanan murah. Di satu tempat sahaja mereka boleh dapatkan pelbagai pilihan seperti nasi campur, kuih-muih dan hidangan lain pada harga berpatutan,” katanya.

Selain itu, Fuziah berkata, program My Safe Food juga di-

teruskan bagi mengelakkan pembaziran pada Ramadan.

Menurutnya, makanan yang masih elok akan dikumpulkan antara 15 hingga 30 minit sebelum azan Maghrib dan diagihkan kepada keluarga yang memerlukan atau pelajar.

Sementara itu katanya, permintaan santan dalam negara terus meningkat dengan kadar penggunaan per kapita rakyat Malaysia kini mencecah 24.9 kilogram setahun.

“Walaupun bekalan tempatan hanya penuhi 70 peratus keperluan domestik, kerajaan berjaminan bekalan masih terkawal,” katanya.

傅芝雅：包括彭6地點， 全馬設95關愛齋戒月市集

（关丹27日讯）国内贸消及生活成本部副部长傅芝雅说，继持续两年配合斋戒月而举办的关爱斋戒月市集（BRR），获得大众支持及取得更好的管控成效，今年政府已鉴定全马95个地点举办，方便公众就近光顾。

“内贸部已鉴定适合举办关爱斋戒月市集，包括彭亨州6个地点如关丹马哥打广场、淡马鲁再也住宅区、而连突市中心、云冰慕阿占沙市、百乐吉拉央及劳勿市中心。”

昌明關愛銷售計劃反應熱

“此市集项目主要目的除了帮助商贩包括可获得部门的租金津贴之外，也让民众从中以更优惠价格购买的斋戒月美食，尤其是关爱餐单。”

她今早在关丹英迪拉马打市镇，为关丹妮华娜麟级市场有限公司（英迪拉马哥打分行）主持开幕礼后，于记者会上，如是说。出席者包括内贸部执法组总监拿督阿兹曼、彭亨内贸易局长嘉丝莉莉、傅芝雅夫婿鲁斯里、士满慕区州议员陈俊广，以及关丹妮华娜集团董事主席拿督斯里黄崇



洗等。

傅芝雅说，该部截至昨日，在全国每个州选区举办了1879场昌明关爱销售计划（PJRM），包括彭州42个州选区的237场2天，共有1280万国人受惠。

她举例，在内贸部配合公务员发薪日举办的昌明关爱销售计划，购买反应也非常热烈，商品迅速被抢购而空。

“我们（内贸部）的计划是在同一地区不仅能每月办两场，每次2天，也在特定佳节时举办，以减轻地方民众生活费负担。”

她说，彭州内贸局自2023年至本月，通过“反操纵与泄密群众运动”（OPS KITA GEMPUR），共展开14万805次检举，并开档调查1578宗涉及统充公物品价值419万4573令吉98仙。

“该局也依据2011年价格控制及反暴利法令第21条文发出373个通知信，并针对商家违列事项开启13个调查档，同时接获2661起投诉，其中790起涉及价格、753起与线上交易相关、328起服务令人混淆等类别为多。”

■ 戒月粮食心得和所需，右4起为路阿兹曼及
傅芝雅（右3）向民众了解筹备将临的斋及

Bekalan kelapa masih terkawal

Kuantan: Masalah kekurangan bekalan kelapa masih terkawal, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dr Fuziah Salleh.

Beliau berkata, setakat ini kerajaan mengambil pelbagai langkah termasuk mengimport kelapa dari luar negara untuk menampung kekurangan bekalan terutama pada Ramadan.

Katanya, tahun ini, kerajaan memberi lebih memberi tumpuan lebih terhadap bekalan kelapa susulan berlakunya kekurangan di pasaran.

“Seperti santan, kita dapati ada sedikit kekurangan dari segi pengeluaran sejak Disember lalu

dan ketika ini 70 peratus bekalan adalah kelapa tempatan, manakala selebihnya diimport.

“Tetapi disebabkan ada masalah musim melawas, ia menyebabkan produktiviti tidak mencapai pengeluaran seperti biasa.

“Berikutan itu kita terpaksa meningkatkan import kelapa dari luar tetapi ia masih terkawal kerana Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPTM) meningkatkan import bagi memastikan bekalan mencukupi,” katanya.

Fuziah berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sebuah pasar raya besar di sini, semalam.



PENGUAT KUASA KPDN memeriksa sebahagian barang kawalan yang dirampas dalam serbuan sebuah stor haram di Sitiawan dekat Lumut kelmarin.

Rumah jadi stor haram simpan 569kg barang kawalan

LUMUT – Sebuah rumah yang dijadikan stor penyimpanan 569 kilogram (kg) barang kawalan di Sitiawan di sini diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada pulak 1 tengah hari kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 tersebut berjaya dikesan setelah pihaknya melakukan pemeriksaan ke atas sebuah

premis perniagaan di Sitiawan.

Beliau berkata, ia membawa kepada penemuan sebuah rumah yang disyaki dijadikan stor simpanan barang kawalan.

"Pemilik premis seorang lelaki tempatan berumur 40-an gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen barang kawalan.

"Sebanyak 432kg gula pasir kasar bertapis 1kg dan 137kg minyak masak peket 1kg yang ditemui rumah berkenaan telah

disita. Nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM1,573.70," katanya di sini semalam.

Sehubungan itu, Kamalludin berkata, satu siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 telah diambil kerana disyaki melakukan kesalahan dibawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Penguat kuasa KPDN Cawangan Manjung memeriksa gula pasir 1kg yang ditemui di kediaman di Sitiawan kelmarin.

料年中推RON95针对性补贴

(吉隆坡 27 日讯) 国内贸易及生活成本部预计，RON95 汽油针对性补贴政策将于今年中实施。

部长拿督阿米占表示，政府目前仍在研究最佳方案，以确保补贴调整能有效达成目标。

他强调，政府会确保补贴调整不会导致商品和服务价格出现不合理的上涨。

“参考政府在 2024 年实施柴油补贴调整时采用的机制，内贸部正优化现有系统，以向符合资格的商业车辆提供汽油补贴配额。”

他今日在国会书面答复中说，“目前，我们正在确定使用车队柴油补贴卡 (Fleet Card) 的目标群体，并与财政部、交通部、陆路交通局和陆路公共交通机构 (APAD) 等相关单位商讨，以最终敲定符合资格的群体名单。”

巴西古当国会议员哈山卡林询问，RON95 汽油补贴调整是否会在年中推出，并是否会导致物价上涨及民众生活成本增加，以及该部的应对措施。

对此，阿米占表示，向正确的目标群体提供补贴汽油补贴，可以稳定服务及物资运输成本，避免加重民众的生活负担。

今年拨200亿补贴消费品

(吉隆坡 27 日讯) 国内贸易及生活成本部表示，今年政府已拨款超过 200 亿令吉用于消费品补贴，其中包括燃油补贴，继续惠及大多数国人。

部长拿督阿米占今日在的国会书面答复中，回应兰道班让国会议员拿督茜蒂再拉的提问时说，慈悯之伞 (Payung Rahmah) 援助计划的拨款增至 3 亿令吉，比 2024 年多出 1 亿令吉。

茜蒂再拉询问政府是否计划重新推出白米和食用油补贴，以帮助受生活成本压力影响的群体。

“此外，政府将拨出约 7 亿令吉用于推动多种生活成本援助计划，包括价格控制。

“政府也已准备 2 亿 5000 万令吉，以应对砂拉越和沙巴等偏远地区的必需品供应中断问题。”

阿米占表示，补贴的主要目的是稳定物价，以减轻民众因生活成本上升而承受的经济负担，并强调政府致力于维护人民福祉。

傅芝雅：人均消耗24.9公斤 國人吃椰量逐增

(关丹27日讯)国内贸易及生活消费部副部长傅芝雅沙烈今日说，国人近年对椰子的需求量逐渐增加，去年人均消耗量达24.9公斤，相较之前24.2公斤有所增加。

她说，尽管本地供应仅满足70%的国内需求，其余30%依赖进口，不过政府保证市场供应在控制范围内。

傅芝雅今日出席关丹妮华娜霸级市场有限公司（英迪拉马哥打分行）超市的开幕仪式后向媒体披露，在椰子需求量高企的同时又适逢生产遇上季节性休果期（Musim melawas），导致产量未达正常水平，因此政府需靠增加进口来填补供应缺口。

同场出席者尚有国内贸易及消费人事务部执法组总监阿兹曼、彭亨内贸局局长嘉丝莉莉、妮华娜集团董事主席拿督斯里黄崇洸与夫人拿汀斯里陈怡玲、营运总监黄馨仪及营运总经理陈信发等等。

傅芝雅指出，为了防止不法商家趁机牟取暴利，内贸部执法部门已向批发商、零售商、椰子和椰浆进口商发出47份通知书，对供应链展开调查，确保市场价格透明，商家遵守价格管制规定。

确保市场价格透明

她强调，发出通知书是为收集价格数据采取的措施，并非指商家牟利。

“通过商家的解释，我们可以了解和进行价格对比，一旦发现不合理的涨幅，将会根据2011年价格统制及反暴利法令进一步调查，并采取执法行动。”

另一方面，针对进口米和本地米掺混事件，傅芝雅披露，白米管控问题是农业和粮食安全部（KPKM）负责，包括价格在内的管控也非内贸部的管辖范围，因此无法回应课题。
(TSI)

Apung harga siling beras tempatan

Elak ada pihak ambil kesempatan campur beras putih tempatan dengan beras import

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM

Mengapungkan harga siling beras tempatan adalah langkah terbaik bagi mengelakkan berlakunya isu ada pihak yang mengambil kesempatan mencampurkan beras putih tempatan dengan beras import.

Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Firdaus Sulaiman berkata, apabila harga beras tempatan boleh bersaing dengan beras import, hampir tiada keperluan untuk pengilang menipu dalam pembungkusan.

"Pada saya apa yang berlaku kini adalah disebabkan *survival mechanism* untuk mereka yang terlibat dalam rangkaian bekalan padi kerana margin keuntungan bagi beras tempatan adalah terlalu kecil.

"Saya juga melihat tidak perlu adanya peraturan baru untuk mengatasi masalah ini kerana peruntukan undang-undang sedia ada sudah memadai. Apungkan harga siling beras tempatan adalah langkah yang paling utama.

"Mekanisme yang sedia ada



Pemeriksaan berkala boleh dijadikan sebagai amalan berterusan untuk memastikan ketulenan beras yang berada di pasaran. Gambar kecil: Muhammad Firdaus

dalam Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) juga sudah cukup untuk mengatasi isu ini. Tidak perlu untuk diwujudkan jawatankuasa khas atau suruhanjaya siasatan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika ditanya tentang pendedahan yang dibuat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), bahawa sekitar 40 hingga 50 peratus beras import daripada 5,000 sampel yang dianalisis disahkan bercampur dengan beras putih tempatan (BPT).

Kajian yang menggunakan teknologi pengcapjarian asid

deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang tahun 2023 dan 2024, sekali gus menekankan spekulasi bahawa beras putih tempatan telah dicampur dalam kampit beras import sebelum dijual di pasaran.

Tambah Muhammad Firdaus, pemeriksaan berkala seperti yang dijalankan oleh MARDI itu boleh dijadikan sebagai amalan berterusan untuk memastikan ketulenan beras yang berada di pasaran.

Pada masa sama, beliau berkata bahawa pensampelan rawak termasuk di kilang dan pasaran perlu dijalankan.

"Wujud atau tidak kartel perlu dibuktikan bukan sekadar dakwaan. Perlu diingat pengilang yang didakwa sebagai kartel ini memberi khidmat yang penting dalam rantai bekalan beras," jelasnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Senarai hitam pengilang sabotaj beras putih tempatan

Oleh FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan di gesa mengambil tindakan tegas dengan menyenarai hitamkan pengilang yang mensabotaj bekalan beras putih tempatan (BPT) dengan mencampurkan ke dalam kampit beras import bagi mengaut keuntungan berlipat ganda.

Pengilang yang tidak bertanggungjawab itu juga perlu dikenakan hukuman denda setimpal dengan jumlah kerugian ketirisan subsidi beras putih tempatan.

Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, tindakan tegas sedemikian perlu diambil supaya menjadi pengajaran kepada semua pihak agar dapat menjalankan amalan perniagaan lebih beretika di negara ini.

“Pihak tersebut perlu melaksanakan jualan amal beras import yang sedang berada di pasaran sekarang sebagai rasa tanggungjawab terhadap majoriti pengguna yang terkesan akibat perbuatan mereka.

“Mereka perlu menurunkan harga beras import tersebut kerana disebabkan amalan yang tidak beretika itu telah mengakibatkan bekalan beras tempatan kita tidak stabil malah seolah-olah hilang dari pasaran kita selama setahun lebih.

“Malah disebabkan skandal tersebut, pengguna pula perlu membayar lebih demi sekampit makanan ruji,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan bahawa kira-kira 50 peratus beras putih import yang berada di pasaran negara ini telah dicampur dengan beras putih tempatan.

Perkara itu disahkan oleh

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui analisis yang dilakukan ke atas 5,000 sampel kampit beras import sejak tahun lalu.

Pengarah Pusat Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Dr. Muhammad Zamharir Ahmad berkata, pihaknya membuat analisis terhadap lebih 5,000 sampel kampit beras dengan logo import yang dihantar oleh agensi penguat kuasa sejak 2023.

Katanya, sampel-sampel itu diperoleh hasil serbuan Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup di seluruh negara.

Nur Asyikin berkata, skandal beras putih tempatan itu menunjukkan kelemahan dalam pemantauan dan penguatkuasaan daripada pihak berwajib.

Dalam situasi seperti ini, katanya, ketulusan dalam pengu-

rusan dan pemantauan industri beras sangat penting untuk memastikan bahawa produk yang sampai kepada pengguna adalah berkualiti, selamat, dan tidak mengelirukan.

“Pihak berwajib seharusnya lebih proaktif dalam melakukan pemeriksaan berkala dan memastikan standard produk dipatuhi. Mereka juga perlu memperkuatkkan sistem pengetahuan, supaya sebarang pernyataan atau manipulasi terhadap produk seperti beras dapat dikesan lebih awal.

“Jika pihak berwajib tidak menangani punca asas berkaitan dengan amalan perniagaan yang tidak beretika di kalangan industri, maka isu ini tidak akan dapat diselesaikan secara menyeluruh.

“Isu ini akan terus berulang dan memberi kesan negatif kepada pengguna serta ekonomi secara keseluruhan,” katanya.



Visitors say prices of food and beverages in Ipoh are now comparable to Kuala Lumpur and Penang. — Photos: RONNIE CHIN/The Star

Rising food costs in Ipoh a hard pill to swallow

Locals, visitors say city no longer a destination for affordable fare

By ANNABELLE LAWRENCE
annabelle@thestar.com.my

ONCE a haven for delicious and inexpensive foods, Ipoh seems to be losing this status as more locals are claiming food in Perak capital is too expensive.

This sentiment is shared by visitors from the former tin-mining town who say food and beverage prices here are comparable to Kuala Lumpur and Penang.

Those who spoke to *TheStar* felt food prices in Ipoh had increased significantly over the past few years.

S. Palaniandy, 66, owner of food stall *Ipoh Kueh* in Kuala Lumpur, said plain *fusili* used to be about RM1 or RM2, but now cost RM3.

"Ghee *chosai*, which used to be about RM3, is now close to RM5," he said.

Ipoh used to be known for its variety of food and low prices but now it's as similar to Kuala Lumpur, he said.

Palaniandy said the food industry in Ipoh could be blamed if prices continue to rise and if quality and portion sizes were not maintained.

"Ipoh is a place for me to relax, so I do hope that eaters can try to maintain its image as a place for affordable food."

"This will also definitely attract more people to Ipoh," he said.

Although food and beverage prices in Penang, they are value for money with larger portions, he added.

Civil servant Rosnaini Rahim, 43, from Kuantan, Pahang, echoed



For years, Ipoh has been known for its affordable, good food.

Ingredients have become costlier, businesses must still be fair to consumers.

"Last year, a plate of *nasi lemak* cost RM7 to RM8, but now it's close to RM10."

Leong Jernook, which used

to be about RM1.50, now costs RM2 to RM3, he said.

Saleman Mohd Farid Mohd Kamal, 31, from Kuala Kangsar, said food should be fair to their customers.

"While it is understandable that food prices increase because of

"There are also some hawkers who increase their prices because of price increases," he said.

Student Mohd Farizal Syafiq Khalid Ahmed, 23, said the high food prices was making it difficult for him to eat out.

"*Roti canai* prices have also gone up."

"I believe that it will not go up any higher. People should not be burdened by this," he said, adding that he and his friends eat out these days to save money.

Rising cost of doing business

Leun Ng Mei, 34, who helps at her brother's coffee shop, said the



Some eatery operators say they have to raise their prices as the cost of ingredients has gone up.



The increase in food prices is due to multiple factors.



Palaniandy: The food industry in Ipoh could be affected if prices continue to rise.

price of coffee powder had gone up twice.

"We sell about RM200 a week just on coffee powder."

"Even condensed milk and chocolate malt drink prices have gone up."

"If we don't raise prices, we can't cover our operating costs."

"We saw the increase in prices by 20% last month and people complained that it was too price," she added.

K. Venkatesh, 47, who has been selling mixed rice at a coffeeshop in Gungung Rapat since the past 11 years, said the cost did not increase her prices too much.

"I used to sell a plate of rice with chicken, fish and vegetables for RM5."

"With the increased prices of so many things, I am selling it now for RM8."

"I can't raise my prices too much because customers will go elsewhere, so I have to set a reasonable price," she added.

Ng, who has been in business for 20 years, said while prices had increased, he continued to serve a decent portion.

"Our prices are standard and we ensure a good portion size until other places do."

"In other places, a small bowl of Hokkien mee is priced at RM7, while in Ipoh, it is about RM10 or more," he added.

Having run his business for 14 years, Ipoh said food prices tended to increase in Ipoh.

"As prices of ingredients increase, we will also be forced to raise our prices," he said.

"The ingredients can be sold at a lower price, we can also sell our food at a lower price at a cheaper price," he added.

Perek Coffee Shop Association vice-president Alex Wong said

several factors affected the price of food in the past two years.

"These include inflation, increased raw material supplies of meat and vegetables, removal of certain subsidies and an increase in taxes on certain items."

"Some of the ingredient prices have already increased by at least 40% to 120%," he said.

Wong said food operators had to make adjustments so that they could never overcharge costs.

"Maybe some operators of food smaller compared to other places."

He believed that most operators will try to maintain their current selling price and adopt a wait-and-see attitude to whether to increase their prices.

"However, with the implementation of the new minimum wage, increasing electricity tariff increases, e-invoicing and more, it is likely that food operators will affect the cost of operations for all food operators," he added.

Consumer concerns

Ipoh City Watch president Richard Ng said the issue was cause for concern.

"In other places, a small bowl of Hokkien mee is priced at RM7,

while in Ipoh, it is about RM10 or more," he added.

Raving his business for 14 years, Ipoh said food prices tended

to increase in Ipoh.

"As prices of ingredients increase, we will also be forced to raise our prices," he said.

"The ingredients can be sold at a lower price, we can also sell our food at a lower price at a cheaper price," he added.

Perek Coffee Shop Association vice-president Alex Wong said

several factors affected the price of food in the past two years.

"These include inflation, increased raw material supplies of meat and vegetables, removal of certain subsidies and an increase in taxes on certain items."

"Some of the ingredient prices have already increased by at least 40% to 120%," he said.

Wong said food operators had to make adjustments so that they could never overcharge costs.

"Today, Ipoh is no longer the food hub it liked to be. It may be in the 1980s, but now it can get cheaper food in places like Taiping, Kepong and Studia," he added.

Stabilising prices

Ng said to help stabilise food prices while ensuring business sustainability, a combination of government, business and public collaboration and consumer engagement was required.

"Consumers and industry players should not think of making a quick buck for business sake," he said.

Other factors, Ng said, were the increase in business licence fee and sales and service tax by Ipoh City Council, Sales and Service Tax (SST) rising from 6% to 8% and the implementation of the new minimum wage.

"All these costs will be transferred to consumers."

"Those who are especially those with fixed incomes, higher prices may lead to financial stress and even job loss during recessions," he said.

Ng said the influx of tourists to Ipoh had resulted in an increase in prices of food and beverages.

"Many Cantonese folk

continued with their business

"Locals now choose to eat at spots located away from the city centre."

"The Chinese customers are patronising *mamak* eateries more frequently now because of their value for money, cheaper and cleaner compared to other coffeeshops."

"Consumers should also be educated to understand when necessary to demand and support eateries that provide affordable prices," he added.

Digitalising their business, improving supply chain and reducing logistics cost

"Reducing operational costs helps businesses remain sustainable without hiking prices."

"Businesses should also sourced locally instead of relying on imported goods."

"Consumers should also be educated to understand when necessary to demand and support eateries that provide affordable prices," he added.

Reducing prices

"Ng said coffee shops could dairy out breakdowns to help cut costs while prices had increased."

"They should also reduce price increases by monitoring the ingredients used and quality of products."

"The government should also encourage more competition to ensure fair pricing," he said.

"The government and the city council enforcement officers, Negeri Sembilan Police Force, should be more stringent in cracking down on unscrupulous businesses rather than leave it to market forces to decide prices."

"Consumers associations can help to monitor prices and report overpriced places to the relevant authorities."

"A list of eateries that offer fair pricing can also help consumers to identify the best value for money."

"SST and business licence rates should be reviewed."

"Enforcement officers must step up efforts to check on unreasonably high prices," Ng suggested.

He said businesses should look into lowering operating costs by

digitalising their business, improving supply chain and reducing logistics cost

"Reducing operational costs helps businesses remain sustainable without hiking prices."

"Businesses should also sourced locally instead of relying on imported goods."

"Consumers should also be educated to understand when necessary to demand and support eateries that provide affordable prices," he added.

Marketing

"Ng said coffee shops could dairy out breakdowns to help cut costs while prices had increased."

"They should also reduce price increases by monitoring the ingredients used and quality of products."

"The government should also encourage more competition to ensure fair pricing," he said.

"The government and the city council enforcement officers, Negeri Sembilan Police Force, should be more stringent in cracking down on unscrupulous businesses rather than leave it to market forces to decide prices."

"Consumers associations can help to monitor prices and report overpriced places to the relevant authorities."

"A list of eateries that offer fair pricing can also help consumers to identify the best value for money."

"SST and business licence rates should be reviewed."

"Enforcement officers must step up efforts to check on unreasonably high prices," Ng suggested.

He said businesses should look into lowering operating costs by



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 FEBRUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Feb	Penyasaran subsidi RON 95 dijangka pertengahan tahun ini	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/parlimen-penyasaran-subsidi-ron-95-dijangka-pertengahan-tahun-ini/#google_vignette	UTUSAN
28-Feb	Penyasaran subsidi RON95 dijangka pertengahan tahun ini	https://malaysiagazette.com/2025/02/27/penyasaran-subsidi-ron95-dijangka-pertengahan-	MALAYSIA GAZETTE
28-Feb	Permintaan santan meningkat, kerajaan jamin bekalan terkawal - Fuziah	https://www.sinarharian.com.my/article/715045/berita/nasional/permintaan-santan-meningkat-kerajaan-jamin-bekalan-terkawal---fuziah	SINAR HARIAN
28-Feb	Masalah kekurangan kelapa masih terkawal	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1191563/masalah-kekurangan-	HARIAN METRO
28-Feb	Permintaan santan meningkat, kerajaan jamin bekalan terkawal	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/permintaan-santan-meningkat-kerajaan-jamin-bekalan-terkawal	RTM
28-Feb	Suami isteri, syarikat didakwa guna QR Code dan hologram palsu pada ubat batuk	https://www.sinarharian.com.my/article/715071/berita/semasa/suami-isteri-syarikat-didakwa-guna-qr-code-dan-hologram-palsu-	SINAR HARIAN
28-Feb	Subsidi RON95 bersasar dijangka dilaksana pertengahan tahun ini	https://www.sinarharian.com.my/article/715080/berita/nasional/subsidi-ron95-bersasar-dijangka-dilaksana-pertengahan-	SINAR HARIAN
28-Feb	Penyasaran subsidi RON95 dijangka pertengahan tahun ini	https://www.kosmo.com.my/2025/02/27/dewan-rakyat-penyasaran-subsidi-ron95-dijangka-pertengahan-	KOSMO

28-Feb	Lebih 72,000 Ketua Isi Rumah Di Sabah Terima Bantuan SYUKUR - Armizan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2397289	BERNAMA
28-Feb	Kerajaan digesa segera bertindak terhadap kartel beras tipu rakyat	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1366428/kerajaan-digesasegera-bertindak-terhadap-kartel-beras-tipu-	BERITA HARIAN
28-Feb	Beras bercampur: Pembangkang desak kerajaan ambil tindakan segera	https://www.sinarharian.com.my/article/715124/berita/nasional/beras-bercampur-pembangkang-desak-kerajaan-ambil-tindakan-	SINAR HARIAN